Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e002014
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2014

Tingkah Laku Pembangkang Terhadap Pembentangan Belanjawan di Parlimen Ke-13, 2013-2018

(Opposition Behaviour on the Budgeting Process in 13th Parliament, 2013-2018)

Amirul Azam Bin Asri[1*], Rosyidah Muhamad[2]

[1]Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: P3769@pps.umt.edu.my
[2]Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: rosyidah@umt.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Amirul Azam Bin Asri
(P3769@pps.umt.edu.my)

KATA KUNCI:
Pilihan Raya Umum
Parlimen 13
Parti Politik Pembangkang
Tingkah laku
Pembentangan Bajet

KEYWORDS:
Malaysia Election
13th Parliament
Opposition
Budgetting Process

CITATION:
Amirul Azam Asri & Rosyidah Muhamad. (2022). Tingkah Laku Pembangkang Terhadap Pembentangan Belanjawan di Parlimen Ke-13, 2013-2018. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(12), e002014. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2014

ABSTRAK

Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 telah berjaya mengubah landskap politik di Malaysia. PRU14 merupakan pilihan raya yang paling sengit dalam sejarah politik Malaysia. Ianya mencetuskan kejutan besar apabila kerajaan pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN) tumbang kepada parti pembangkang Pakatan Harapan (PH). Setelah hampir enam dekad, akhirnya pembangkang PH berjaya menerajui kepimpinan kerajaan Malaysia. Keputusan PRU14 juga menunjukkan peralihan besar sokongan pengundi kepada pembangkang. Beberapa faktor seperti pembangkang yang bersatu dalam menyusun strategi dan kelemahan jentera BN serta beberapa isu salah guna kuasa menjadi punca kekalahan BN pada PRU14. Selain PRU, parlimen juga merupakan indikator penting terhadap pembangunan tadbir urus dan demokrasi Malaysia. Artikel ini akan membincangkan tentang tingkah laku pembangkang yang aktif dan berdaya saing walaupun tidak boleh memainkan peranan sepenuhnya kesan daripada konsep autoritarian yang diamalkan Malaysia. Artikel ini juga akan menganalisis tingkah laku pembangkang dengan merujuk kepada penglibatan dalam pembentangan belanjawan di parlimen ke-13 pada tahun 2013 sehingga 2018. Hal ini kerana, penglibatan pembangkang terhadap pembentang belanjawan negara dilihat signifikan dengan tingkah laku mereka. Kajian ini akan melibatkan tiga parti politik pembangkang yang dominan iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Se-Islam Malaysia (PAS) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP). Kritikan dan pertanyaan pembangkang mengenai isi kandungan belanjawan negara dilihat relevan bagi penambahbaikan sistem pengurusan kewangan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

ABSTRACT

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

The result of the 14th General Election (GE) have successfully changed the political landscape in Malaysia. GE14 is the most intense election in Malaysian political history. It caused a big surprise when the ruling party which is Barisan Nasional (BN) fell to the opposition party Pakatan Harapan (PH). After almost six decades, the PH opposition finally succeeded in leading the leadership of the Malaysian government. The GE14 results also show a large shift in voter support to the opposition. Several factors such as the opposition uniting in formulating strategies and weaknesses in the BN machinery as well as some issues of abuse of power became the cause of BN's defeat in GE14. Besides the GE, parliament is also an important indicator of the development of Malaysia's governance and democracy. This article will discuss about the behavior of the opposition which is active and competitive even though they cannot play the full role because of the authoritarian concept practiced in Malaysia. This article also analyzes the behavior of the opposition with refence to the involvement in the budget process in the 13th parliament in 2013 until 2018. This article argues the involvement of the opposition towards the budget process is relevant to relate with their behavior. This study will involve the three dominant opposition political parties, namely Parti KeADILan Rakyat, the Pan-Malaysian Islamic Party, and the Democratic Action Party. The opposition's criticism and question regarding the contents of the budget are seen as relevant for the improvement of the financial management system made by the government.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa penglibatan pembangkang dalam pembentangan belanjawan di parlimen ke-13 merupakan salah satu faktor kemenangan pembangkang pada PRU14. Ini dapat dibuktikan dengan penglibatan aktif pembangkang pada pembentangan belanjawan telah memberi kesan dan impak yang baik kepada pembangkang bagi mendapatkan kepercayaan rakyat.

1. Pengenalan

Malaysia sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Sistem politik di Malaysia digelar sebagai sebuah sistem amalan demokrasi yang separa sahaja. Walau bagaimanapun, menurut beberapa sarjana barat seperti Ufen (2009), Malaysia digelar sebagai sebuah negara *pseudo democracy* [1] kerana amalan sistem politik di Malaysia. PRU14 yang lalu telah berjaya mengubah landskap politik negara. Ianya mencetuskan kejutan besar apabila parti pembangkang Pakatan Harapan (PH) telah berjaya menumbangkan kerajaan pemerintah Barisan Nasional (BN) setelah hampir enam dekad menerajui kerajaan Malaysia. Namun, pihak kerajaan masih lagi menggunakan kuasa autokratik terhadap pembangkang walaupun Malaysia mengadakan pilihan raya setiap lima tahun sekali. Pembangkang masih lagi dapat memainkan peranan sebagai semak dan imbang kepada pihak kerajaan. Proses pembentangan bajet dilihat sebagai salah satu alat untuk mengukur sistem tadbir urus pihak kerajaan BN.

[1] Pseudo Democracy merupakan sistem politik berdemokrasi tetapi tidak memberi kebebasan sebenar kepada rakyat. Ini telah bertentangan dengan makna sebenar demokrasi.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penglibatan pembangkang dalam pembentangan belanjawan di parlimen ke-13 pada tahun 2013 sehingga 2018 dilihat signifikan dengan kemenangan pada PRU14. Hal ini kerana, pembangkang dilihat aktif dalam mengkritik tindakan pihak kerajaan mengenai intipati belanjawan.

Artikel ini memfokuskan kepada pembentangan bajet tahun 2013 sehingga 2018 iaitu penggal parlimen ke-13. Ianya memfokuskan secara terperinci mengenai tingkah laku pembangkang di parlimen ke-13 dan tindak balas terhadap belanjawan tahunan negara. Dalam pembentangan bajet bermula dari tahun 2013 sehingga 2018, terdapat beberapa tema yang difokuskan oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab dan mencapai matlamat utama belanjawan negara. Jadual 1 menunjukkan tema-tema mengikut belanjawan tahunan negara.

Jadual 1: Tema Belanjawan Mengikut Tahun

Tahun Belanjawan	Tema
2014	Memperteguh ketahanan ekonomi, memperkasa transformasi dan melaksanakan janji
2015	Ekonomi keperluan rakyat
2016	Mensejahterakan kehidupan rakyat
2017	Menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemah perbelanjaan inklusif, mensejahtera kehidupan rakyat seluruh
2018	Memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbang, keunggulan duniawi dan ukhrawi, demi mensejahterakan kehidupan rakyat, menuju aspirasi tn50

2. Sorotan Literatur

Teori demokrasi Robert (1966) akan digunakan sebagai teori asas untuk menghuraikan secara empirikal kajian ini dan juga disokong dengan teori demokrasi oleh Stone (2014). Menurut Krouse (2008), proses di dalam sistem kerajaan tidak hanya memfokuskan kepada yang menyokong tetapi juga perlu memfokuskan kepada yang penentang dan berbeza pendapat iaitu pembangkang. Krouse (2008), juga menjelaskan tentang perkembangan demokrasi yang diambil daripada pemahaman Robert A. Dhal berkaitan dengan teori demokrasi. Pembangkang perlu diberikan pengakuan dan pengiktirafan serta hak untuk berpolitik dan ikut serta di dalam sistem pentadbiran negara.

Menurut Robert (1966), pembangkang merupakan aktor utama terhadap negara-negara yang mengamalkan sistem politik berdemokrasi. Pembangkang juga dikenali sebagai salah satu aktor sosial dimana ianya berkait rapat dengan demokrasi. Demokrasi merupakan satu ideologi politik yang terhasil daripada evolusi pemikiran liberalisme yang menekankan kepada kebebasan dan kedaulatan yang mengagungkan individualisme (Fabbrini, 2003). Daripada teori demokrasi ini telah terhasil satu istilah yang dikenali sebagai 'Poliarki'. Istilah poliarki ini terhasil daripada pemikiran Dhal sendiri. Oleh sebab itu, istilah poliarki sering dikaitkan dengan teori demokrasi. Poliarki menjelaskan keadaan di mana kerajaan pemerintah mempunyai kuasa dan hak di dalam pelbagai bidang dan lebih tepatnya isitlah poliarki berada dalam definisi demokrasi.

Berdasarkan kepada artikel *Polyarchy & Participation: The Changing Democratic Theory of Robert Dahl* oleh Krouse (2008), membincangkan tentang pembangkang secara perspektif teori. Mereka juga merumuskan tentang konsep demokrasi yang telah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dijelaskan oleh sarjana-sarjana terdahulu. Krouse (2008) dalam artikel tersebut menyatakan bahawa pembangkang merupakan satu proses semak dan imbang dalam sistem pemerintahan pihak kerajaan. Namun, di beberapa buah negara yang tidak mengaplikasikan dan mengamalkan sistem demokrasi, pembangkang masih lagi mengalami isu keterbatasan untuk melibatkan diri dalam sistem politik negara. Seperti Malaysia, menurut beberapa sarjana yang mengelaskan Malaysia sebagai sebuah negara semi demokrasi. Oleh sebab itu, pembangkang menghadapi keterbatasan dalam sistem politik negara. Umumnya, mana-mana parti politik boleh bertindak sebagai parti pembangkang apabila gagal untuk menjadi kerajaan pemerintah.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang dilihat sangat sesuai kerana data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang diperhatikan. Data kualitatif boleh terhasil daripada tiga jenis kaedah iaitu pemerhatian, pembicaraan dan bahan bertulis. Selain itu, kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan kualitatif yang menggunakan analisis dokumen (*content analysis*) sebagai kaedah utama. Dokumen hansard akan dianalisis untuk mendapatkan data. Analisis dokumen yang akan digunakan bagi mendapatkan data merupakan data daripada parlimen Malaysia iaitu penyata rasmi yang dikenali sebagai hansard parlimen. Handsard parlimen merangkumi pelbagai aktiviti di dalam parlimen yang direkodkan secara bertulis.

Kandungan teks lengkap penyata rasmi parlimen atau hansard parlimen digunakan di dalam kajian ini kerana dianggap sebagai satu kaedah yang dapat menghuraikan pesanan-pesanan yang sukar dicari melalui pemerhatian secara langsung. Selain itu, ianya juga dianggap sebagai kaedah terbaik untuk mengkaji berkaitan dengan perilaku penggubal undang-undang. Penyata rasmi parlimen merupakan laporan yang mengandungi perdebatan atau perbahasan AP semasa mereka bersidang di parlimen.

4. Dapatan Kajian

4.1. Perbahasan Bajet 2014: Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji

Bajet 2014 telah digubal untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang kukuh dan mengurangkan defisit fiskal negara. Matlamat keseluruhannya adalah memakmurkan negara dan menyejahterakan rakyat. Memenuhi maksud ini, bajet 2014 bertemakan *Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji* dengan memfokuskan kepada lima teras utama seperti pada Jadual 2.

Jadual 2: Teras utama di dalam bajet 2014

Teras	Tema
Pertama	Merancak aktiviti ekonomi
Kedua	Mengukuh pengurusan fiskal
Ketiga	Mengunggul modal Insan
Keempat	Mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar
Kelima	Mensejahterakan kehidupan rakyat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bajet 2014 diperuntukkan sebanyak RM264.2 bilion untuk pelaksanaan langkah-langkah, program dan projek kesejahteraan rakyat, pembangunan negara. Daripada keseluruhan jumlah itu, sebanyak RM 217.7 bilion diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM46.5 bilion kepada perbelanjaan pembangunan. Berdasarkan intipati bajet ini, pihak kerajaan memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi meringankan beban rakyat terutama yang tinggal di kawasan luar bandar. Antara isu yang diberikan perhatian oleh pihak kerajaan iaitu kos sara hidup yang tinggi, kos pengangkutan yang tinggi dan kos perumahan yang meningkat. Pada pembentangan bajet, Najib Razak juga berjanji untuk memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik kepada bumiputera melalui program Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB)[2] dan PR1MA[3] .

4.2. Kritikan pembangkang

Anwar Ibrahim sebagai ketua pembangkang telah diberi peluang untuk mengkritik dan membahaskan bajet yang dibentangkan oleh kerajaan BN. Beliau mempersoalkan strategi pihak kerajaan tentang pelaksanaan dasar berkaitan ekonomi negara. Menurut beliau, belanjawan ini dilihat tidak realistik dan tidak mampu untuk memperbaiki ekonomi negara. Tidak hanya itu, beliau juga membuat perbandingan antara Malaysia dan Singapura dari sudut pembangunan ekonomi. Jika dilihat pada ekonomi Singapura, jauh lebih baik dibandingkan dengan Malaysia. Singapura sebagai sebuah negara yang stabil dan sistematik dalam pengurusan ekonomi domestik.

Selain itu, menurut Anwar, kerajaan Malaysia lebih memfokuskan kepada pembangunan projek-projek besar dan pelaburan kepada negara luar. Hal ini dilihat tidak membantu dalam meningkatkan dan memperbaiki ekonomi negara. Oleh sebab itu, Anwar telah mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah berkaitan ekonomi negara. Beliau mencadangkan pihak kerajaan untuk membahagikan jumlah peruntukan terhadap pembangunan dan pengurusan dengan betul supaya tidak memberi kesan kepada perbelanjaan negara. Belanjawan negara seharusnya memfokuskan kepada pembangunan negara dan kebajikan rakyat. Dalam pada itu, pembangkang juga menekankan kepentingan untuk memberi tumpuan kepada prestasi pihak kerajaan dalam mengukuhkan keadaan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Anwar Ibrahim juga mengkritik tindakan pihak kerajaan berkaitan jumlah peruntukan yang diberikan kepada beberapa kementerian. Terdapat banyak jawatan kabinet menteri Malaysia dianggap tidak relevan. Anwar berpendapat bahawa pihak kerajaan seolah tidak mengambil inisiatif untuk mengurangkan jumlah kabinet menteri yang dianggap tidak perlu. Cadangan yang diusulkan untuk mengurangkan jumlah kabinet menteri bagi menjimatkan kos perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran sumber. Tidak hanya itu, Anwar juga telah meminta pihak kerajaan untuk menurunkan harga bahan api kerana dilihat menjadi punca kos sara hidup dan perbelanjaan rakyat semakin meningkat. Namun, permintaan itu tidak mendapat maklum balas daripada pihak kerajaan. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap keputusan di parlimen.

[2] Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan sebuah syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF inc) yang menyediakan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiao keluarga di Malaysia sejajar dengan Dasar Perumahan Negara

[3] Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) ialah skim projek perumahan untuk merancang, membangun, membina dan menyenggara perumahan gaya hidup berpatutan untuk rakyat berpendapatan sederhan di kawasan bandar-bandar utama.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan keaktifan pembangkang ketika sesi pembentangan bajet 2014. Tidak hanya Anwar Ibrahim, namun ada beberapa AP pembangkang dilihat aktif mengkritik tindakan pihak kerajaan. Seramai 10 orang daripada parti PKR dan seramai lima orang daripada setiap parti DAP dan PAS. Jumlah ini boleh dikatakan agak tinggi kerana setiap daripada mereka mengkritik pihak kerajaan berdasarkan kepada isu yang berbeza-beza. Masa yang diberikan tidak lama, namun pembangkang mampu untuk memberi pandangan dan cadangan mereka ketika persidangan bajet itu.

Contohnya, ketika sesi pembentangan bajet, Azmin Ali telah mempersoalkan pihak kerajaan mengenai cadangan pelaksanaan GST. Kenyataan pihak kerajaan tidak akan melaksanakan GST itu dibuat sebelum pilihan raya. Walau bagaimanapun, beliau meragui tindakan pihak kerajaan untuk menepati janji itu kerana kebarangkalian untuk pihak kerajaan tetap melaksanakan GST adalah tinggi. Beliau mempertikaikan janji yang dibuat oleh pihak kerajaan kerana berdasarkan kepada rekod hutang negara dilaporkan meningkat pada ketika itu. Oleh sebab itu, beliau beranggapan bahawa pihak kerajaan tetap akan melaksanakan GST.

Jadual 3: Senarai penglibatan AP pembangkang mengikut parti dalam pembentangan bajet 2014

PKR	
1	Abdullah Sani bin Abdul Hamid
2	Anwar bin Ibrahim
3	Johari bin Abdul
4	Johari bin Abdul Ibrahim
5	Mohamed Azmin bin Ali
6	Michael Jayakumar Devaraj
7	Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin
8	Sim Tze Tzin
9	Sivakumar Varatharaju Naidu
10	Tan Kee Wong
DAP	
1	Lim Guan Eng
2	Loke Sie Fook
3	Nga Kor Ming
4	Ong Kian Ming
5	Sim Chee Keong
PAS	
1	Abdul Hadi bin Awang
2	Khalid bin Abd Samad
3	Mohamed Hanipa bin Maidin
4	Siti Zailah bt Mohd Yusoff
5	Takiyuddin bin Hassan

4.3. Pembentangan Bajet 2015: Ekonomi Keperluan Rakyat

Belanjawan negara 2015 telah dibentangkan pada 10 Oktober 2014 di bawah tema Ekonomi Keperluan Rakyat. Bajet yang dibentangkan pada kali ini dilihat agak berbeza jika dibandingkan dengan bajet sebelumnya. Bajet 2015 ini digubal berfokuskan kepada ekonomi keperluan rakyat dengan menggariskan tujuh strategi utama berdasarkan Jadual 4. Dalam setiap strategi utama ini telah disertakan dengan beberapa tindakan bagi memastikan pelan bajet ini dapat dilaksanakan secara keseluruhan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Jadual 4: Strategi utama dalam bajet 2015

Strategi	Tema
Pertama	Memperkukuh pertumbuhan ekonomi
Kedua	Memantap tadbir urus fiskal
ketiga	Mengupaya modal insan dan keusahawanan
Keempat	Memperkasa agenda bumiputera
Kelima	Memartabat peranan wanita
Keenam	Membangun program transformasi belia negara
Ketujuh	Mensejahtera Rakyat

Bajet 2015 memperuntukkan sebanyak RM273.9 bilion dan meningkat sebanyak RM9.8 bilion berbanding peruntukan asal tahun 2014. Merujuk kepada Graf 1, daripada keseluruhan jumlah tersebut, sebanyak RM223.4 bilion untuk perbelanjaan mengurus, manakala lebihan sebanyak RM50.5 bilion sebagai perbelanjaan pembangunan. Di bawah peruntukan mengurus, RM65.6 bilion untuk Emolumen dan RM38 bilion untuk sektor perkhidmatan dan bekalan. Tambahan lagi, agihan terbesar sebanyak RM116.4 untuk pemberian dan kenakan bayaran tetap. Pembelian aset pula telah diperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion dan RM1.8 bilion untuk perbelanjaan lain.

Graf 1: Perbezaan jumlah peruntukan belanjawan negara tahun 2014 dan 2015

Manakala, di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi iaitu sebanyak RM29.3 bilion dan diikuti sektor sosial sebanyak RM12.6 bilion merangkumi sektor pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan kesejahteraan rakyat. Selain itu, sektor keselamatan juga diperuntukkan sebanyak RM4.9 bilion. Jumlah lebihan diagihkan kepada sektor pentadbiran awam iaitu sebanyak RM1.7 bilion dan simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion. Berdasarkan kepada isi kandungan bajet 2015 lagi, dengan pelaksanaan GST, maka Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan dimansuhkan yang telah menyebabkan kehilangan hasil kerajaan sebanyak RM13.8

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.9 bilion disalurkan kembali untuk keperluan rakyat melalui pakej bantuan seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), Baucer Buku, dan sebagainya. Jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan telah memberi tumpuan yang lebih mendalam terhadap sektor pengurusan.

4.4. Kritikan Pembangkang

Pada pembentangan bajet 2015 ini, pembangkang telah membuat perbandingan antara belanjawan bayangan yang dibuat oleh PH dengan belanjawan oleh BN. Anwar Ibrahim mempersoalkan strategi belanjawan oleh BN kerana dilihat belanjawan tersebut tidak merujuk dengan jelas pada data-data yang ada. Menurut beliau, sejak tahun 2009, bajet yang dibentangkan tidak relevan. Ini adalah kerana keadaan ekonomi negara masih juga tidak berubah. Malahan makin teruk dengan keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat. Keadaan ekonomi Malaysia masih tidak stabil. Nilai mata wang Malaysia masih lagi rendah dan agak sukar untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Anwar juga mengkritik kepincangan pentadbiran ekonomi kerajaan BN. Bagi Anwar, walaupun pelbagai dasar yang akan dilaksanakan oleh Najib Razak pada awal pentadbiran, namun tetap tidak mampu untuk membuat perubahan yang signifikan dalam pentadbiran terutamanya dalam sektor ekonomi negara. Contohnya, Najib Razak mengumumkan pelaksanaan Model Ekonomi Baru yang memfokuskan kepada ekonomi keperluan rakyat. Tema ekonomi keperluan rakyat ini melibatkan IAP dalam kewangan Islam, menaiktarafkan dan membina lebuh raya, perusahaan kecil dan sederhana (IKS), pelepasan cukai GST ke atas penjualan runcit, kebajikan nelayan, industri getah, industri perubatan, kebajikan OKU, dan sektor perumahan. Walau bagaimanapun, Anwar tetap merasakan perubahan yang dibuat adalah sekadar untuk mendapatkan kepercayaan rakyat di samping ini menutup isu-isu melibatkan salah laku pihak kerajaan.

Anwar juga menambah bahawa perancangan lima tahun ke hadapan oleh pihak kerajaan tetap tidak akan berjaya. Hal ini kerana, kedudukan ekonomi yang dijangkakan tidak stabil. Selain itu, pembangkang mempersoalkan tentang perancangan ekonomi yang dilihat semakin jauh daripada matlamat utama Malaysia dalam mencapai status sebuah negara ekonomi yang mapan dan kukuh. Pembangkang juga mengatakan bahawa pentadbiran ekonomi yang diamalkan oleh BN banyak mendatangkan kesan negatif kepada rakyat dan struktur ekonomi. Kesan langsung daripada ketidakstabilan ekonomi ini telah menyebabkan rakyat terpaksa menanggung beban sara hidup yang tinggi. Berdasarkan kepada Jadual 5, tidak hanya Anwar sahaja yang aktif dalam mengkritik tindakan kerajaan, namun beberapa AP pembangkang juga bertindak aktif di mana jumlah mereka semakin bertambah pada setiap tahun jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Jadual 5: Senarai penglibatan AP pembangkang mengikut parti di dalam pembentangan bajet 2015

PKR	
1	Abdullah Sani bin Abdul Hamid
2	Anwar bin Ibrahim
3	Johari bin Abdul
4	Johari bin Abdul Ibrahim
5	Manivannan a/l Gowindasamy

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

6	Mohamed Azmin bin Ali
7	Michael Jayakumar Devaraj
8	Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin
9	Sim Tze Tzin
10	Sivakumar Varatharaju Naidu
11	Rafizi bin Ramli
12	Tan Kee Wong
DAP	
1	Lim Guan Eng
2	Loke Siew Fook
3	Nga Kor Ming
4	Ong Kian Ming
5	Sim Chee Keong
PAS	
1	Abdul Hadi bin Awang
2	Khalid bin Abd Samad
3	Mohamed Hanipa bin Maidin
4	Siti Zailah bt Mohd Yusoff
5	Takiyuddin bin Hassan

Pembangkang juga sebulat suara mengkritik tindakan kerajaan dalam usaha untuk membanteras isu kemiskinan rakyat. Kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat telah menjadi isu yang sering kali dibahaskan dan perbualan terutama dalam kalangan masyarakat. Peningkatan harga barang asas yang telah menyebabkan rakyat merasa terbeban khususnya kepada mereka yang tinggal di kawasan bandar besar dan mempunyai jumlah isi rumah yang ramai. Isu ini telah mendapat perhatian oleh pihak kerajaan dan pembangkang. Dalam usaha meringankan beban rakyat. ada beberapa langkah yang diambil oleh pihak kerajaan, namun telah mendapat bantahan daripada pembangkang kerana dilihat sebagai satu langkah yang tidak sesuai untuk diaplikasikan.

Dalam pada itu, berdasarkan kepada isi kandungan belanjawan bayangan oleh PR, menjelaskan bahawa dengan pelbagai ketidaktentuan khasnya urus niaga bersama rakan dagangan utama iaitu China yang secara tidak langsung telah memberi kesan kepada ekonomi yang mula perlahan. Begitu juga hubungan Malaysia dan kuasa besar Amerika, Anwar telah mengkritik tentang hubungan dua hala yang dijalankan. Tambahan lagi, pembangkang juga berpendapat bahawa pencapaian pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.4% pada tahun 2014 agak perlahan jika dibandingkan dengan rekod pencapaian ekonomi BN sepanjang tempoh pelaksanaan RMK10[4]. Pembangkang melihat BN telah gagal dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan sendiri iaitu sebanyak 6%. Pertumbuhan ekonomi sepanjang lima tahun ke depan dijangkakan tidak memberangsangkan terutama kesan daripada penguatkuasaan GST pada April 2015 yang akan menjejaskan sentimen berbelanja pengguna.

Kepincangan pentadbiran ekonomi BN yang lemah telah menyebabkan wujudnya budaya rasuah dalam kerajaan dan pentadbiran ekonomi. Kesan rasuah politik ini akan memberikan impak yang besar kepada masyarakat dan masa depan negara. Tambahan

[4] Rancangan Malaysia Kesepuluh merupakan rancangan lima tahun pembangunan Malaysia bagi tempoh 2011 sehingga 2015. RMK10 dibentangkan oleh Najib Razak di Parlimen pada 10 Jun 2010. RMK10 mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Ekonomi Bharu yang berfokuskan kepada pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

lagi, isu rasuah juga sering dikaitkan dengan pengurusan BN yang tidak telus dan cekap dalam menangani rundingan TPPA[5] boleh memberi kesan negatif kepada tahap berdaya saing industri tempatan dan peningkatan kos sara hidup yang akan ditanggung oleh rakyat. Tidak hanya itu, isu kos sara hidup yang melibatkan sistem cukai yang berat sebelah telah memberikan kelebihan kepada golongan T20 [6] tetapi golongan B40 [7] terpaksa menanggung beban cukai negara. Melihat kepada kepincangan ini mungkin akan melemahkan sistem pentadbiran negara, oleh sebab itu, pembangkang telah mencadangkan langkah untuk memperbaiki ketidakstabilan ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Ini menunjukkan bahawa pihak pembangkang sangat aktif dalam mengkritik dan membahaskan terhadap pembentangan bajet 2015. Mereka telah membentangkan belanjawan bayangan sebagai satu alternatif kepada rakyat untuk membuat perbandingan dan seterusnya dapat mencadangkan idea-idea dasar yang konkrit mampu untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Seterusnya, dalam mendapatkan kembali kepercayaan rakyat terhadap pembangkang. Walaupun jelas menunjukkan perbezaan pendapat antara pihak kerajaan dan pembangkang, namun ini merupakan perbezaan yang produktif yang berasakan fakta. Tambahan lagi, pembangkang mampu untuk memberikan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat. Hal ini juga dapat meningkatkan kredibiliti pembangkang di mata rakyat. Jelas bahawa keperluan kepada pembangkang yang proaktif sangat mendesak dalam merealisasikan sebuah institusi semak dan imbang terhadap keputusan pihak kerajaan. Ini jelas menunjukkan pembangkang di Malaysia telah memainkan peranan mereka.

4.5. Pembentangan Bajet 2016: Mensejahtera Kehidupan Rakyat

Bajet 2016 dilihat agak berbeza dengan bajet pada tahun sebelumnya kerana pada pembentangan bajet yang lalu, GST masih lagi dalam proses untuk dilaksanakan. Namun, selepas pembentangan bajet 2015, GST telah pun dilaksanakan dan terdapat beberapa perubahan terhadap sistem ekonomi negara. Rentetan daripada itu, pembentangan bajet 2016 bertemakan Mensejahtera Kehidupan Rakyat merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)[8]. Objektif utama untuk mencapai status sebuah negara *high income advanced economy.* Ini bermakna pihak kerajaan memfokuskan kepada matlamat untuk mencapai status sebuah negara berpendapatan tinggi dan ekonomi yang maju.

Bajet 2016 memfokuskan kepada lima keutamaan iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau, mempersiaga modal insan, memperkasa agenda bumiputera, dan meningkatkan kos sara hidup rakyat. Najib Razak juga membentangkan beberapa pencapaian daripada pelan perbelanjaan sebelum ini. Menurut beliau walaupun ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar yang perlahan sebanyak 3.1%, namun jika dilihat kepada situasi ekonomi semasa

[5] Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) ialah perjanjian perdagangan bebas yang dirunding oleh 11 buah negara di rantau Asia Pasifik.
[6] Golongan T20 merujuk kepada kumpulan isi rumah tertinggi dengan purata bulanan sebanyak RM10,000 dan ke atas.
[7] Golongan B40 ialah kumpulan Bottom 40 yang terdiri daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah dengan purata bulanan sebanyak RM4500 ke bawah.
[8] Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) merupakan rancangan pembangunan lima tahun ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Berpandukan kepada Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) yang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berteraskan modal dengan pelaksanaan projek berimpak tinggi.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia, ia boleh berkembang sebanyak 5.3% bagi separuh tahun pertama 2015 dan dianggarkan mencapai 4.5% sehingga 5.5% sepanjang tahun

Malaysia juga salah satu negara yang menghadapi masalah kelembapan ekonomi. Ini termasuklah masalah penurunan harga komoditi seperti minyak, kelapa sawit dan getah. Tambahan lagi, penyusutan nilai ringgit dan pertumbuhan kadar fiskal yang perlahan di beberapa negara besar dunia memberi kesan kepada ekonomi negara. Menurut Najib Razak lagi, pihak kerajaan telah berjaya mengurangkan defisit fiskal kerajaan dan melalui dasar Transformasi Nasional atau DTN yang bermula pada tahun 2010, kerajaan telah berjaya mengatasi masalah kemiskinan. Hasilnya, dalam tempoh lima tahun. kadar kemiskinan berkurang dan pihak kerajaan menyifatkan kemiskinan tegar telah hampir disifarkan. Tidak hanya itu, jika sebelum ini pihak kerajaan dalam pengumuman rasmi telah menyatakan bahawa hasil daripada kutipan GST akan dikembalikan semula dan dimaklumkan kepada umum bagaimana ia dibelanjakan.

4.6. Kritikan Pembangkang

Hasil pembentangan bajet 2016 tidak diterima dengan baik oleh pembangkang. Wan Azizah Wan Ismail selaku presiden PKR[9] membantah dan menentang terhadap bajet tersebut. Beliau mengkritik beberapa pencapaian yang telah dinyatakan oleh Najib Razak dan menganggap itu sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan. Hal ini kerana, setelah meneliti kepada isi kandungan bajet 2016, beliau menyifatkan bajet ini merupakan bajet yang pernah dibentangkan oleh mantan ketua pembangkang pada sesi perbahasan RUU Perbekalan sebelum ini.

Wan Azizah mengkritik tentang kaedah pengurusan kewangan kerajaan BN. Beliau mengutarakan rasa tidak berpuas hati terhadap sistem pengurusan kewangan yang dibuat oleh pihak kerajaan kerana dilihat berat sebelah. Hal ini kerana, banyak peruntukkan yang diberikan kepada sektor-sektor yang tidak perlu. Dalam pada itu, pembangkang mencadangkan beberapa idea untuk penambahbaikan terhadap sistem ekonomi negara, namun tidak diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Fokus utama terhadap isu ekonomi melibatkan perbelanjaan kerajaan yang tidak terkawal. Selain itu, Wan Azizah merasakan menteri-menteri diberikan peruntukkan yang besar, manakala peruntukkan yang sedikit untuk pembangunan bajet 2016.

Jadual 6 menunjukkan jumlah ahli parlimen pembangkang yang berbahas semasa sesi pembentangan bajet. Seramai 14 orang pembangkang dari parti PKR yang ambil bahagian untuk berbahas. Jumlah pembangkang dari parti PKR dilihat bertambah jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Selain itu, seramai 6 orang pembangkang dari parti DAP dan seramai 5 orang pembangkang dari parti PAS yang juga semakin bertambah jumlahnya. Mereka semua bersatu dalam mengkritik bajet yang dibentangkan oleh kerajaan. Pada sesi pembentangan bajet kali ini, parti pembangkang baharu iaitu Parti Amanah Negara (PAN) turut berbahas ketika sesi pembentangan bajet[10].

[9] Wan Azizah Wan Ismail merupakan Ketua Pembangkang di parlimen ke-12 iaitu pada tahun 2008. Seterusnya, jawatan Ketua Pembangkang disandang oleh Anwar Ibrahim pada tahun 2013 sehingga 2015 iaitu pada parlimen ke-13. Namun, setelah menghadapi beberapa pertuduhan melibatkan isu perundangan, jawatan Ketua Pembangkang diberikan kepada Wan Azizah berkuatkuasa pada 18 Mei 2015. Beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Pembangkang pada tahun 2015 sehingga 2018 iaitu sepanjang tempoh penggal parlimen ke-13.
[10] Parti Amanah Negara didaftarkan sebagai Parti Pekerja-Pekerja Malaysia dan kemudian dijenamakan semula sebagai Parti Amanah Negara yang dilancarkan pada 16 september 2015.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 6: Senarai penglibatan AP pembangkang mengikut parti di dalam pembentangan bajet 2016

PKR	
1	Abdullah Sani bin Abdul Hamid
2	Ignatius Dorell Leiking
3	Johari bin Abdul
4	Johari bin Abdul Ibrahim
5	Manivannan a/l Gowindasamy
6	Mohamed Azmin bin Ali
7	Michael Jayakumar Devaraj
8	Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin
9	Sim Tze Tzin
10	Sivakumar Varatharaju Naidu
11	Rafizi bin Ramli
12	Tan Kee Wong
13	Wan Azizah Wan Ismail
14	Wong Chen
DAP	
1	Lim Guan Eng
2	Loke Siew Fook
3	Nga Kor Ming
4	Ong Kian Ming
5	Sim Chee Keong
6	Teo Kok Seong
PAS	
1	Abdul Hadi bin Awang
2	Khalid bin Abd Samad
3	Mohamed Hanipa bin Maidin
4	Siti Zailah bt Mohd Yusoff
5	Takiyuddin bin Hassan
AMANAH	
1	Mohd Hatta bin Ramli

Pembentangan bajet 2016 terus mendapat kritikan daripada pembangkang mengenai perbelanjaan dan peruntukkan kerana jumlah yang dilaburkan kepada projek-projek mega dan berskala besar. Hal ini terus mendapat perhatian daripada pembangkang apabila ada beberapa peruntukkan telah dikurangkan terhadap beberapa sektor seperti pendidikan untuk dilaburkan kepada projek-projek yang tidak perlu. Beberapa cadangan telah diberikan oleh pembangkang. Pertama pembangkang telah memfokuskan kepada beberapa pendekatan untuk mengurangkan beban rakyat. Ini termasuklah usaha untuk menyediakan pusat jagaan anak-anak, kebajikan golongan OKU, golongan wanita yang memerlukan perlindungan, bantuan kesihatan, bantuan pendidikan, dan lain-lain. Selain itu cadangan tentang jumlah peruntukkan bagi perbelanjaan negara. Ini merupakan langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti kos sara hidup yang meningkat dan harga barangan yang juga meningkat. Pembangkang meminta pihak kerajaan supaya meningkatkan gaji minimum, memfokuskan kepada pembangunan luar bandar, mengatasi masalah pengangguran, dan sebagainya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pembangkang bertindak aktif dalam memberi pandangan mengenai isu pengangguran kerana berdasarkan kepada jumlah kadar pengangguran berlaku peningkatan sebanyak 2.9% pada tahun 2014 dan sebanyak 3.1% pada tahun 2015. Isu ini telah menarik perhatian pembangkang kerana berdasarkan kepada bajet 2015, pihak kerajaan telah menyatakan untuk mengatasi masalah pengangguran yang agak merisaukan. Namun, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pengangguran terus meningkat. Hal ini menunjukkan, pihak kerajaan tidak mampu untuk mengatasi masalah pengangguran.

Tidak hanya itu, Wan Azizah mempersoalkan dasar-dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat. Menurut laporan Azlan (2017), kebanyakan golongan pekerja menghadapi isu kadar pertumbuhan gaji yang hampir mendatar iaitu sebanyak 5% purata setahun jika dibandingkan dengan kadar inflasi sebanyak 3% setahun. Ini bermakna kadar kenaikan gaji hanya 2% setahun dan kadar peratusan gaji sebanyak 34%. Oleh sebab itu, beberapa cadangan telah diusulkan untuk meningkatkan kadar gaji minimum penjawat awam dan swasta. Cadangan mengenai peningkatan kadar gaji dibuat berdasarkan kepada beberapa aspek seperti keperluan isi rumah, kadar potongan bulanan, dan peningkatan nilai harga rumah mampu milik. Isu ini disokong apabila Abdullah Sani pembangkang PKR telah mempersoalkan pihak kerajaan ketika sesi perbahasan RUU Perbekalan 2016. Beliau mempersoalkan tentang tahap kadar gaji minimum kerana dilihat tidak adil dan telus dalam pelaksanaan dasar tersebut. Pembangkang melihat pihak kerajaan tidak memfokuskan untuk membantu rakyat, namun lebih kepada kepentingan diri dan parti sahaja.

Bajet 2016 mendapat kritikan dari pelbagai sudut dan tidak terlepas apabila pihak kerajaan kurang memberi perhatian terhadap isu wanita. Umumnya, dalam bajet 2016 tidak dinyatakan secara menyeluruh dan mendalam mengenai peruntukkan untuk pembangunan wanita. Isu wanita melibatkan keselamatan, kebajikan suri rumah, dan keperluan golongan wanita tidak diberi perhatian kerajaan dalam bajet ini. Walaupun pembangkang iaitu Wan Azizah selaku Ketua Pembangkang adalah wanita, ianya agak sukar untuk membuat perubahan berkaitan dengan isu kepentingan wanita kerana ianya tidak mendapat perhatian kerajaan

Kesimpulannya, pembangkang telah memberikan pendapat yang berbeza mengenai bajet 2016 supaya boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Pada pandangan pembangkang lima keutamaan yang difokuskan oleh pihak kerajaan iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti, inovasi, dan teknologi hijau, mempersiaga modal insan, memperkasa agenda bumiputera dan meningkatkan kos sara hidup rakyat tidak sesuai dengan keperluan semasa negara kerana tidak mencapai objektif dan matlamat. Hal ini kerana, pada setiap tahun rakyat masih lagi menghadapi isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Perbincangan mengenai kos sara hidup rakyat sering kali dibahaskan oleh pembangkang, namun perubahan yang berlaku tidak begitu ketara. Oleh sebab itu, pembangkang menegaskan matlamat Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen harus diterapkan dalam sistem pentadbiran negara.

Tambahan lagi, penolakan bajet harus dilihat sebagai satu peluang untuk membetulkan bajet yang dianggap membebankan rakyat. Sekiranya bajet baharu dikemukakan, secara tidak langsung akan dapat memasukkan pindaan baharu seperti yang diinginkan. Kadar GST dapat disifarkan, pembasmian gejala rasuah, salah guna kuasa dapat diatasi, subsidi bantuan dapat diberikan kepada rakyat secara teratur, dan sebagainya. Menurut Ariff (2018), penubuhan dan perpecahan sebuah kerajaan sangat dipengaruhi oleh peranan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sistem pentadbiran, badan perundangan dan kehakiman yang diaplikasikan di dalam sistem demokrasi berparlimen sesebuah negara.

4.7. Pembentangan Bajet 2017: Menjamin Perpaduan & Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruh

Pembentangan bajet 2017 menunjukkan bahawa pihak kerajaan cuba untuk komited dalam melaksanakan bajet yang terbaik melalui perbelanjaan yang berhemah. Bertemakan kepada menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemah perbelanjaan inklusif dan mensejahterakan kehidupan rakyat seluruh, telah menunjukkan bahawa pihak kerajaan cuba menambahbaikkan lagi bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada rakyat sebelum ini. Bajet pada kali ini, jika mengimbas kepada sejarah bermulanya belanjawan negara kali pertama iaitu pasca merdeka, di parlimen pada tahun 1959. Pada ketika itu, belanjawan hanya diperuntukkan sebanyak RM888 juta sehinggalah bajet 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM260.8 bilion.

Perdana Menteri Najib Razak telah menarik minat perhatian rakyat Malaysia apabila dalam pembentang bajet 2017, beliau telah menjelaskan kadar KDNK[11] kepada 5% jika dibandingkan pada tahun 2016. Tidak hanya itu, Najib juga menunjukkan bahawa kadar defisit fiskal pada tahun 2017 sebanyak 3.0% manakala pada tahun 2016 iaitu 3.1%. Hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2017 sebanyak RM219,726 juta telah bertambah jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM212,595 juta. Jadual 7 menunjukkan perbezaan kadar peratusan KDNK pada tahun 2016 dan 2017. Hal ini dianggap sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengawal rakyat dan dalam pada masa yang sama untuk menutup sebarang kelemahan politik yang telah berlaku. Justeru itu, bajet 2017 digubal dengan berpegang kepada lima prinsip dan falsafah kerajaan.

Jadual 7: Perbezaan kadar peratusan KDNK pada tahun 2016 dan 2017

Tahun	Peratusan (%) kadar KDNK
2016	4.0% - 4.5%
2017	4.0% - 5.0%
Tahun	Peratusan (%) Kadar Defisit Fiskal
2016	3.1%
2017	3.0%

Prinsip pertama iaitu menjadi sebuah kerajaan yang mengutamakan kesepaduan nasional dalam pembinaan negara bangsa. Tidak hanya itu, kepelbagaian etnik dan kemajmukan sebagai aset teras kemajuan dan pembangunan negara sejak dulu, kini dan selamanya. Kedua, sebagai sebuah kerajaan yang mementingkan dan memelihara kedaulatan, keluruhan perlembagaan, dan undang-undang serta keselamatan negara. Selain itu, membentuk sebuah kerajaan yang kohesif dan stabil serta bekerja sebagai satu pasukan yang jitu. Prinsip keempat iaitu kerajaan yang akan gigih berusaha dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan pelaksanaan yang lebih tersusun, fiksyen dan holistik. Manakala prinsip yang kelima ialah sebagai sebuah kerajaan yang

[11] Keluaran dalam negara kasar (KDNK) ialah jumlah nilai pasaran keseluruhan barangan dan perkhidmatan terakhir yang dikleuarkan dalam sesebuah negara pada masa tertentu untuk mengukur ekonomi nasional negara.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berpandukan kepada falsafah islamik yang universal dan bersifat wasatiyyah, kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan.

Bajet 2017 ini juga lebih memfokuskan kepada pembangunan negara dan rakyat. Intipati bajet 2017 termasuklah projek *Rakyat Centric*, meningkatkan pemilikan rumah, menjana pendapatan rakyat, subsidi dan insentif, BR1M, memperkasa program TVET, tenaga kerja, pelepasan cukai gaya hidup, meneruskan strategi Lautan Biru Nasional (NBOS), mengukuhkan kemapanan fiskal, pembangunan sukan, meningkatkan tahap kesihatan, meningkatkan pengeluaran makanan dengan harga kompetitif. Di samping itu, merangsang pelaburan swasta, mempergiat pasaran modal. mempertingkatkan aktiviti eksport, keusahawanan dan merancakkan sektor pelancongan. Tidak hanya itu, pihak kerajaan juga akan memfokuskan kepada bidang pendidikan negara yang melibatkan pendidikan awal kanak-kanak sehingga di peringkat pendidikan tinggi.

4.8. Kritikan Pembangkang

Wan Azizah Wan Ismail sebagai ketua pembangkang telah memberi pandangan bahawa bajet 2017 masih lagi menggunakan pendekatan lama. Kos sara hidup yang semakin meningkat, kenaikan gaji yang tidak sepadan, pemilikan rumah di luar kemampuan, peningkatan kos pendidikan, pengangkutan awam dan perubatan. Pada masa yang sama kemerosotan mutu pendidikan, peningkatan hutang negara, peningkatan hutang isi rumah, dan daya saing negara yang semakin lemah telah memburukkan lagi keadaan. Menurut beliau, semua masalah ini tidak dapat diatasi dengan dasar-dasar negara yang tidak berkesan. Tambahan lagi, pembaziran sumber, ketirisan dan penyelewengan kuasa yang sukar dikawal.

Dalam pada itu, Wan Azizah telah mempersoalkan tentang unjuran pendapatan negara dan meminta pihak kerajaan untuk menimbang semula. Berdasarkan kepada jumlah yang dilaporkan, beliau mempertikaikan unjuran yang dinyatakan dan mempersoalkan sama ada jumlah tersebut dikira secara tepat ataupun dikira secara rawak. Hal ini kerana, setiap kali bajet dibentangkan, pihak kerajaan akan menyatakan unjuran negara akan semakin membaik pada tahun hadapan. Namun, berdasarkan kepada penelitian beliau, diunjurkan bahawa cukai pendapatan perseorangan kepada kerajaan akan meningkat dengan kadar 6%. Tambahan lagi, dalam pemerhatian beliau, pada setiap tahun begitu ramai anak-anak muda dan golongan belia, bahkan golongan berumur yang menjadi penganggur ekoran daripada keadaan ekonomi negara yang kurang memberangsangkan.

kenyataan ini disokong apabila Abdullah Sani pembangkang parti PKR telah menyentuh tentang isu pembuangan kerja yang melibatkan seramai 70 ribu orang pada tahun itu dan berlaku peningkatan jumlah kadar pengangguran di Malaysia. Sebagai contoh, PERWAJA yang diberikan jumlah peruntukkan yang banyak oleh pihak kerajaan, namun telah membuang pekerja hampir seribu orang tanpa memberi pampasan, pulangan semula EPF, potongan SOCSO, Tabung Haji, Bank Rakyat dan sebagainya. Hal ini amat membimbangkan kerana syarikat-syarikat besar seperti itu seolah telah mencabar perundangan negara dan menindas kebajikan pekerja. Di samping itu, beliau mempersoalkan langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Isu ini seolah tidak mendapat perhatian pihak kerajaan kerana melibatkan syarikat-syarikat besar yang mempunyai kepentingan dan pengaruh terhadap ekonomi negara.

Wan Azizah juga mengkritik tindakan pihak kerajaan dalam menangani isu rasuah. Menurut beliau, setelah meneliti setiap helaian teks ucapan oleh Menteri Kewangan, tiada

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dinyatakan tentang kepentingan untuk memerangi gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam, rasuah untuk mendapatkan kontrak, penyelewengan dana awam dan salah guna kuasa. Namun, dalam usaha untuk memerangi isu ini, yang didapati bersalah tidak ditangkap namun sebaliknya masih lagi bebas. Di samping itu, Malaysia berada pada kedudukan di tangga 54 dalam indeks persepsi rasuah. Lebih mengejutkan lagi apabila Malaysia dikelaskan sebagai negara kedua selepas Brazil dalam senarai di dunia.

Hal ini telah menarik perhatian Wan Azizah dan terus menggunakan data ini untuk mengkritik kerajaan. Kenyataan mengenai isu rasuah di Malaysia disokong dengan kajian oleh Nur dan Nafsiah (2015) mendapati bahawa aktiviti rasuah di Malaysia banyak melibatkan golongan pemerintah. Setiap tahun statistik menunjukkan berlaku peningkatan kes rasuah dan ianya seolah sukar untuk dibendung. Tambahan lagi, pihak kerajaan tidak memainkan peranan dalam membasmi aktiviti yang tidak sihat ini. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman pernah menyatakan tentang kepentingan untuk menghapuskan elemen yang tidak sihat dalam pembangunan yang lestari dan salah satu daripada elemen itu ialah gejala rasuah.

Seterusnya, pembangkang juga telah mengulas laporan yang dikeluarkan oleh Azlan (2016) mengenai skandal 1MDB yang melibatkan beberapa ahli BN. Isu 1MDB mendapat kritikan oleh pembangkang dan rakyat kerana melibatkan aktiviti pelaburan di bawah syarikat 1MDB iaitu sejumlah dana besar telah dimasukkan ke dalam akaun bank Menteri Kewangan. Beberapa kes pembangunan kawasan perniagaan yang melibatkan beberapa syarikat besar dan individu berkepentingan seperti Tun Razak Exhange (TRX), kes pengambilan tanah aset TRX oleh Lembaga Tabung Haji, dan isu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kesemua kes ini melibatkan dana di bawah 1MDB dan didakwa mengandungi pengubahan wang haram dan isu rasuah (Maksum, 2020).

Isu 1MDB ini menjadi tumpuan dan sering dibincangkan oleh pembangkang kerana 1MDB diurus dan diselia di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia sebagai organisasi dana kekayaan negara (SWF). SWF umumnya ditubuhkan apabila berlaku lebihan belanjawan negara berikutan ekonomi makro yang menggalakkan. Selain itu perdagangan dan kedudukan fiskal yang kukuh, perancangan belanjawan jangka panjang yang baik dan tiada masalah kekangan perbelanjaan (Johari, 2022). SWF juga dilihat sebagai strategi yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengusai aset asing melalui pelaburan dan reka bentuk untuk tempoh jangka masa panjang, Selain itu, SWF juga disifatkan sebagai usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengekalkan kuasa ke atas modal dalam melabur terhadap pasaran swasta antarabangsa. Dalam kata lain, SWF merupakan pelaburan kerajaan yang dibiayai oleh mata wang asing dan diiktiraf sebagai rizab dana negara.

Menurut Maksum (2020), dalam konteks Malaysia, khususnya kes 1MDB jelas menunjukkan bahawa Najib Razak mempunyai kuasa untuk mengakses dana kerajaan yang membawa kepada beberapa spekulasi. Ini kerana, semasa memegang jawatan sebagai PM Malaysia, Najib Razak juga memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan secara serentak. Syarikat 1MDB berada di bawah seliaan Kementerian Kewangan. Kurangnya ketelusan dan sebaliknya syarikat tidak diuruskan dengan betul telah menimbulkan beberapa dakwaan dan persoalan oleh pembangkang dan orang ramai. Kritikan dan persoalan mengenai isu 1MDB telah menjadi salah satu skandal politik yang sebahagiannya mengancam kedudukan politik Najib Razak. Tidak dinafikan bahawa, isu 1MDB ini juga merupakan salah satu isu yang telah membuka jalan kepada fasa baharu politik dan sistem demokrasi di Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tidak hanya memfokuskan kepada sektor ekonomi, pembangkang juga menyentuh tentang isu-isu lain seperti kesihatan, kebajikan, pendidikan, warga emas dan sebagainya. Seperti yang dibincangkan oleh wakil DAP, Tan Seng Giaw mengenai Dasar Nasional untuk warga emas. Menurut beliau, walaupun dasar tersebut telah disemak dan dikemas kini, namun peruntukan dan kebajikan kepada warga emas masih lagi tidak memberangsangkan. Warga emas merupakan golongan penting terhadap negara dalam mencapai status sebuah negara maju. Di negara maju dan membangun, individu yang berusia lebih 65 tahun melibatkan taraf ekonomi, pendidikan, taraf kesihatan yang baik, perkhidmatan kesihatan merupakan indikator penting dan harus dititikberatkan bagi menjamin kesejahteraan hidup mereka.

Tan Seng Giaw mengkritik tindakan kerajaan dalam menjaga kebajikan warga emas kerana jumlah peruntukan yang diberikan tidak mencapai jumlah yang cukup untuk menjaga kebajikan warga emas. Kebajikan ini termasuklah kos kesihatan, jumlah persaraan, penjagaan dan pengurusan rumah warga emas, sosial dan sebagainya. Menurut beliau, berdasarkan kepada laporan jumlah pesakit yang masuk ke hospital terdiri daripada warga emas iaitu sebanyak 20% bersamaan 400 ribu orang pada setiap tahun dan jumlah ini amat membimbangkan. Hal ini menunjukkan bahawa, dasar yang telah disemak dan dikemas kini oleh pihak kerajaan seolah tidak memberi perubahan dan impak yang baik terhadap kebajikan warga emas. Abdi et al. (2019), membuktikan dengan kajian yang dijalankan mengenai kepentingan menjaga kebajikan, keperluan, dan kesihatan warga emas terhadap pembangunan sesebuah negara. Tambahan lagi, bagi mencapai status sebuah negara maju, jumlah demografi warga emas merupakan salah satu ciri-ciri yang perlu dipenuhi.

Kenyataan ini mendapatkan tindak balas daripada Lee Boon Chye selaku wakil pembangkang PKR. Beliau bersetuju dengan kenyataan oleh Tan Seng Giaw dan telah membuat perbandingan dengan negara maju seperti Scotland. Negara Scotland dilihat jauh lebih baik jika dibandingkan dengan Malaysia apabila melibatkan kebajikan warga emas dari sudut kesihatan. Sektor kesihatan amat penting terhadap gaya hidup dan kebajikan warga emas. Tambahan lagi, beliau juga mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menyediakan hospital khusus dan wad khusus kepada warga emas terutama mereka yang mengalami penyakit kronik. Mereka memerlukan hospital khusus kerana memerlukan rawatan intensif dan bukannya dimasukkan ke hospital umum.

Seterusnya, Jadual 8 menunjukkan jumlah ahli parlimen pembangkang yang berbahas semasa sesi pembentangan bajet. Seramai 41 pembangkang yang ambil bahagian untuk berbahas. Mereka semua bersatu dalam mengkritik bajet yang dibentangkan oleh kerajaan dan seterusnya menyokong bajet bayangan yang telah dibuat oleh pihak pembangkang. Ahli PKR iaitu seramai 19 orang yang bersuara dalam sesi pembentangan bajet ini. Seterusnya, ahli DAP seramai 12 orang dan seramai 8 orang ahli PAS. Manakala, 2 orang daripada parti AMANAH merupakan parti yang paling sedikit bersuara dan kurang aktif sebagai pembangkang. Ini mungkin disebabkan parti AMANAH merupakan serpihan daripada parti PAS. Akibat kurang setuju dengan pendirian PAS, beberapa ahli PAS telah keluar daripada parti itu dan membentuk AMANAH.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 8:Senarai penglibatan AP pembangkang mengikut parti dalam pembentangan bajet 2017

PKR	
1	Abdul Khalid bin Ibrahim
2	Abdullah Sani bin Abdul Hamid
3	Azman bin Ismail
4	Ignatius Dorell Leiking
5	Johari bin Abdul
6	Johari bin Abdul Ibrahim
7	Kamaruddin bin Jaffar
8	Manivannan a/l Gowindasamy
9	Mohamed Azmin bin Ali
10	Michael Jayakumar Devaraj
11	Nurul Izzah bin Anwar Ibrahim
12	Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin
13	Sim Tze Tzin
14	Sivakumar Varatharaju Naidu
15	Rafizi bin Ramli
16	Tan Kee Wong
17	Wan Azizah Wan Ismail
18	William Leong Jee Keen
19	Wong Chen
DAP	
1	Alice Lau Kiong Yieng
2	Charles Anthony Santiago
3	Kasthuriraani d/o Patto
4	Lim Guan Eng
5	Liew Chin Tong
6	Loke Siew Fook
7	Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz
8	Nga Kor Ming
9	Ong Kian Ming
10	Sim Chee Keong
11	Tan Seng Giaw
12	Teo Kok Seong
PAS	
1	Abdul Hadi bin Awang
2	Izani bin Husin
3	Khalid bin Abd Samad
4	Mahfuz bin Omar
5	Mohamed Hanipa bin Maidin
6	Mohd Khairuddin bin Aman Razali
7	Siti Zailah bt Mohd Yusoff
8	Takiyuddin bin Hassan
AMANAH	
1	Mohd Hatta bin Ramli
2	Muhajid bin Yusuf Rawa

Jelas di sini menunjukkan pembangkang tidak melepaskan peluang untuk memberi pandangan, kritikan dan cadangan. Hal ini kerana, menurut pembangkang, berdasarkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kepada isi kandungan bajet masih lagi terdapat beberapa perkara yang tidak memenuhi keperluan negara dan rakyat. Tidak dinafikan bahawa walaupun pihak kerajaan cuba untuk memenuhi kehendak dan keperluan, namun masih lagi ada beberapa perkara yang sukar untuk pihak kerajaan dalam merealisasikan hal tersebut. Oleh sebab itu, pembangkang memainkan peranan mereka dan membantu pihak kerajaan dengan memberi pendapat dan cadangan supaya pihak kerajaan boleh mengatasi masalah yang dihadapi dan bagi memenuhi keperluan rakyat.

4.9. Pembentangan Bajet 2018: Memakmurkan Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang, Keunggulan Dunia Dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50

Bajet 2018 dibentangkan oleh Najib Razak di parlimen menyaksikan pertambahan peruntukan sebanyak RM280.25 bilion berbanding bajet pada tahun sebelumnya. Jadual 9 menunjukkan sebanyak RM234.25 bilion daripada jumlah itu diperuntukkan bagi perbelanjaan pengurusan, dan sebanyak RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan selebih RM2 bilion untuk simpanan luar jangka. Bertemakan kepada memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbang, keunggulan dunia dan ukhrawi, demi mensejahtera kehidupan rakyat dan menuju aspirasi TN50. Bajet 2018 kali ini memfokuskan kepada lapan tunjang bagi memenuhi prestasi dan menghadapi cabaran ekonomi semasa. Namun, pembangkang telah mempertikaikan pembahagian bajet kepada sektor pembangunan dan pengurusan sepatutnya diseimbangkan kerana bajet 2018 dilihat lebih memfokuskan kepada pengurusan.

Jadual 9: Jumlah Peruntukan mengikut jenis perbelanjaan

Jumlah Peruntukan	Jenis Perbelanjaan
RM 234.25 bilion	Pengurusan
RM 46 bilion	Pembangunan
RM 2 bilion	Luar Jangka

Bajet 2018 dilabelkan sebagai ‘Ibu’ segala bajet yang bersifat komprehensif dengan pelbagai insentif dan ganjaran untuk setiap golongan. Ini juga mungkin sebagai satu inisiatif pihak kerajaan sebelum pilihan raya. Di samping itu, merupakan salah satu langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menutupi kelemahan pentadbiran dan isu-isu yang hangat diperbincangkan. Bagaimanapun, isu GST juga masih menjadi sorotan dan isu penting terhadap ekonomi serta kehidupan rakyat Malaysia (Lim, 2017). Ketika persidangan RUU Perbekalan 2018, Wan Azizah telah membahaskan mengenai isu GST. Beliau menjelaskan bahawa pengecualian dan pelepasan GST yang diumumkan oleh Najib Razak bagi menghapuskan pengenaan GST daripada kadar 6% kepada sifar berfokuskan kepada tujuh item sahaja. Bukan kesemua barangan dan tidak termasuk barangan keperluan asas seperti susu bayi, lampin bayi, dan sebagainya. Menjadi tanda tanya apabila melihat kepada pungutan GST yang sepatutnya menurun tetapi tidak berlaku. Pada tahun 2017, pungutan GST dianggarkan mencapai RM41.5 bilion.

Manakala, pada tahun 2018 berdasarkan daripada Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan (BAHKP) iaitu sebanyak RM43.8 bilion. Ini menunjukkan bahawa kenaikan tambahan pungutan GST sebanyak RM2.3 bilion. Maka, apa yang diucapkan oleh PM tidak sama apa yang tercatat di dalam BAHKP. Namun begitu, apabila pembangkang mencadangkan agar GST dihapuskan dan memberikan formula terperinci bagaimana ia boleh dilakukan, cadangan ini tidak diendahkan oleh pihak kerajaan (Rohaniza, 2017).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tidak hanya isu GST, isu 1MDB juga masih lagi hangat diperbincangkan setiap kali persidangan. Jika dilihat, isu 1MDB menjadi topik hangat ketika sesi pembentangan dan RUU Perbekalan yang lalu. Isu ini berterusan diutarakan oleh pembangkang ketika persidangan pada kali ini.

4.10. Kritikan Pembangkang

Wan Azizah Wan Ismail sebagai ketua pembangkang telah membentangkan belanjawan bayangan[12] PH yang mengetengahkan idea berkaitan kadar fiskal, sistem pengurusan kewangan, pembangunan ekonomi dalam merangka untuk pengurusan dan pembangunan negara. Beliau menegaskan bahawa pihak pembangkang cuba membasmi amalan yang tidak sihat seperti rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, ketirisan dan pembaziran sumber dan kehakisan demokrasi berparlimen. Pembangkang juga telah menggariskan dasar sosioekonomi, perkembangan ekonomi, dan sektor perindustrian negara sebagai langkah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat daripada tadbir urus kewangan yang tidak cekap oleh kerajaan BN (Azlan, 2017).

Wan Azizah juga menegaskan kepada pihak kerajaan untuk menghapuskan rasuah dan pembaziran sumber negara. Menurut beliau, bajet 2018 yang dibahaskan merupakan bajet yang menyediakan satu peruntukan terbesar dalam sejarah belanjawan negara. Namun, bajet 2018 juga mencatatkan nisbah peruntukan pembangunan yang paling rendah jika dibandingkan dengan bajet tahun-tahun sebelum. Hal ini secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pembangunan negara dan tidak memberi manfaat kepada rakyat.

Jadual 10 menunjukkan kekerapan penglibatan ahli parlimen pembangkang dalam perbahasan bajet di parlimen. Berdasarkan Jadual 10, ia menunjukkan bahawa ahli parlimen pembangkang terus bertindak aktif dalam mengkritik dan mengambil bahagian untuk berbahas. Hal ini dapat dibuktikan dengan pertambahan jumlah ahli parlimen pembangkang pada setiap bajet diadakan iaitu bermula bajet 2014 sehingga 2018. Walaupun seramai 41 orang ahli parlimen pembangkang yang berbahas bagi keseluruhan jumlah ahli pembangkang, namun dari segi kekerapan, pembangkang dilihat lebih dominan. Tambahan lagi, penglibatan ahli parlimen pembangkang juga memberi kesan terhadap proses membuat keputusan yang secara tidak langsung menunjukkan penglibatan pembangkang amat diperlukan. Walaupun dengan jumlah yang sedikit jika dibandingkan dengan pihak kerajaan, penglibatan ahli parlimen pembangkang terbukti lebih efektif untuk membahaskan dan mengkritik bajet.

Jadual 10: Senarai penglibatan AP pembangkang mengikut parti dalam pembentangan bajet 2018

PKR	
1	Abdul Khalid bin Ibrahim
2	Abdullah Sani bin Abdul Hamid
3	Azman bin Ismail
4	Ignatius Dorell Leiking
5	Johari bin Abdul

[12] Belanjawan bayangan atau belanjawan alternatif merupakan belanjawan yang dibuat oleh pembangkang untuk dibentangkan semasa persidangan di parlimen. Pembentangan belanjawan bayangan ini adalah satu kelaziman dalam tatacara di Dewan Rakyat. Ketua pembangkang juga akan diberi peluang sebagai pembahas utama untuk membahaskan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

6	Johari bin Abdul Ibrahim
7	Kamaruddin bin Jaffar
8	Manivannan a/l Gowindasamy
9	Mohamed Azmin bin Ali
10	Michael Jayakumar Devaraj
11	Nurul Izzah bin Anwar Ibrahim
12	Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin
13	Sim Tze Tzin
14	Sivakumar Varatharaju Naidu
15	Rafizi bin Ramli
16	Tan Kee Wong
17	Wan Azizah Wan Ismail
18	William Leong Jee Keen
19	Wong Chen
DAP	
1	Alice Lau Kiong Yieng
2	Charles Anthony Santiago
3	Kasthuriraani d/o Patto
4	Lim Guan Eng
5	Liew Chin Tong
6	Loke Siew Fook
7	Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz
8	Nga Kor Ming
9	Ong Kian Ming
10	Sim Chee Keong
11	Tan Seng Giaw
12	Teo Kok Seong
PAS	
1	Abdul Hadi bin Awang
2	Izani bin Husin
3	Mahfuz bin Omar
4	Mohd Khairuddin bin Aman Razali
5	Siti Zailah bt Mohd Yusoff
6	Takiyuddin bin Hassan
AMANAH	
1	Khalid bin Abd Samad
2	Mohamed Hanipa bin Maidin
3	Mohd Hatta bin Ramli
4	Muhajid bin Yusuf Rawa

Khalid bin Abd. Samad mengkritik bajet 2018 yang dikatakan sebagai 'ibu' segala bajet. Menurut beliau, pihak kerajaan hanya memperuntukkan jumlah yang tinggi namun tidak diagihkan dengan betul mengikut sektor. Hal ini kerana, bajet tersebut tidak mampu untuk menyelesaikan beberapa isu seperti isu kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Isu kos sara hidup rakyat terus meningkat pada setiap tahun seolah tidak dapat diatasi. Beliau menegaskan bahawa matlamat bajet haruslah jelas dalam menyelesaikan masalah rakyat dan pembangunan ekonomi negara. Menurut Lidia (2014), pembahagian sumber dan peruntukkan yang tepat terhadap belanjawan negara amat penting supaya pihak kerajaan dapat memastikan rakyat tidak menghadapi seberang masalah dan keperluan rakyat sentiasa mencukupi. Abdullah Sani pembangkang parti PKR menyokong dengan kenyataan bahawa bajet 2018 kali ini tidak membantu rakyat untuk menyelesaikan isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Hal

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ini kerana, apabila GST mula dilaksanakan, harga barangan secara tidak langsung telah meningkat. Berikutan daripada itu, jumlah perbelanjaan isi rumah juga semakin meningkat. Kegagalan tadbir urus kerajaan BN juga telah memberi impak kepada penurunan mata wang negara.

Setiausaha agung DAP, Lim Guan Eng berpendapat GST masih lagi menjadi isu paling penting yang mempengaruhi ekonomi dan kehidupan rakyat. Beliau memberi pandangan bahawa kehidupan rakyat harus ditingkatkan dan dijaga bukan untuk tempoh satu tahun sahaja, namun tahun-tahun kehadapan. Beliau turut mempertikaikan sumber dan aliran wang kerajaan dalam menampung pembayaran negara. Ini termasuk belanjawan negara, bayaran faedah yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan disebabkan oleh hutang-hutang negara. Langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam melangsaikan hutang negara telah mendapat tentangan daripada pembangkang kerana dianggap sebagai langkah yang salah. Isu seperti kos sara hidup meningkat, kenaikan harga barang dan GST merupakan punca rakyat masih lagi menanggung beban.

Isu GST juga mendapat kritikan daripada Mahfuz Omar pembangkang parti PAS yang melihat pelaksanaan GST telah memberi kesan negatif kepada sebahagian besar peniaga Melayu. Menurut beliau beberapa pasar raya di Kedah telah tutup disebabkan oleh pelaksanaan GST. Ini kerana perniagaan runcit yang menurun akibat kos sara hidup tinggi dan rakyat mula berjimat untuk berbelanja. Beliau menegaskan ketika sesi perbahasan RUU Perbekalan 2018, pelaksanaan GST menjadi punca dan masalah besar kepada pembangunan ekonomi negara. Tambahan lagi, GST ini telah menyebabkan kos sara hidup semakin meningkat dan membebankan rakyat. Pelaksanaan GST ini semata untuk menampung kekurangan dana kerajaan akibat daripada pemborosan sumber, gejala rasuah dan ketirisan dalam kerajaan BN.

Di samping itu, pembangkang juga telah menyentuh isu pengangkutan yang menjadi bebanan kepada rakyat. Hal ini kerana, dalam isi kandungan bajet, Menteri Kewangan telah membatasi pemansuhan tol yang hanya memfokuskan kepada empat lokasi terpilih sahaja. Ini telah menimbulkan tanda tanya dalam kalangan pembangkang dan rakyat. Teo Kok Seong juga mengkritik tindakan kerajaan menghapuskan tol di empat lokasi terpilih sahaja. Beliau berpendapat bahawa tindakan pihak kerajaan ini dilihat berat sebelah. Oleh sebab itu, pembangkang telah mencadangkan kepada pihak kerajaan pelan penghapusan tol di seluruh Malaysia yang dibuat secara berperingkat. Pelan ini melibatkan beberapa proses untuk melihat menyemak kos, dan jika berlaku ketidaktelusan pelaksanaan dan sebagainya. Cadangan ini merupakan satu langkah untuk menjimatkan kos pengangkutan yang ditanggung oleh rakyat.

Dalam pada itu, Nurul Izzah Anwar juga membuat perbandingan isu perjanjian konsesi tol melibatkan Malaysia dan negara luar. Menurut beliau, uniknya di Malaysia, perkara ini berada di bawah Akta Rahsia Rasmi. Beliau mempersoalkan jumlah pampasan dan kaedah pembayaran sama ada dalam bentuk saham atau sebagainya. Hal ini kerana, pihak PLUS Malaysia masih lagi belum mengeluarkan kenyataan tentang rundingan dengan pihak kerajaan. Umumnya, pembangkang dan rakyat masih lagi belum mengetahui jumlah pampasan yang sebenarnya. Jumlah tersebut seharusnya dinyatakan kerana bukan rahsia kepada umum.

Berdasarkan kepada sesi persidangan pembentangan bajet 2018, jelas menunjukkan bahawa pembangkang bertindak aktif dan bertindak balas terhadap pihak kerajaan. Pembangkang dapat memainkan peranan mereka untuk semak dan imbang aktiviti pihak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kerajaan. Walau bagaimanapun, pembangkang masih lagi terbatas untuk memainkan peranan mereka secara menyeluruh. Hal ini kerana pembangkang juga berada di bawah kuasa pentadbiran kerajaan BN. Pembangkang hanya boleh memberi pandangan dan cadangan, namun sebarang keputusan hanya boleh dibuat oleh pihak kerajaan.

Bajet 2018 juga menunjukkan bahawa cadangan dan idea yang dibentangkan oleh pembangkang diterima oleh rakyat. Menyentuh kepada bajet bayangan oleh pembangkang yang banyak memfokuskan kepada kebajikan rakyat seperti mengurangkan kos sara hidup, menghapuskan GST, meningkatkan kadar gaji minimum, hak pemilikan rumah, bantuan kesihatan dan pendidikan, dan sebagainya. Ini berbeza jika dibandingkan dengan bajet 2018 oleh pihak kerajaan yang mana peruntukan besar disalurkan kepada sektor pengurusan dan bukan pembangunan untuk kepentingan rakyat. Tambahan lagi, isi kandungan bajet bayangan oleh pembangkang dilihat berbeza dengan isi kandungan kerajaan BN yang dianggap tidak ada perubahan pada setiap bajet yang dibentangkan. Hal ini telah menunjukkan bahawa pembangkang mula mendapat kepercayaan rakyat untuk mentadbir urus ekonomi serta pembangunan Malaysia dengan baik dan teratur.

5. Kesimpulan

Bajet merupakan salah satu indikator pengurusan di dalam sistem politik negara. Setiap negara mempunyai cara tersendiri untuk membentuk bajet mengikut sistem politik, persekitaran sosial dan ekonomi, badan legislatif, faktor konstitusi dan kebolehan pihak kerajaan dalam mentadbir negara. Pihak kerajaan mempunyai kuasa sepenuhnya untuk merangka dan melaksanakan bajet bagi menentukan hala tuju kewangan negara. Namun, sebagai sebuah negara demokrasi, pembangkang turut diberi peluang untuk bertindak balas, memberi pandangan dan cadangan terhadap bajet yang dibentangkan.

Menurut Santiso (2007), faktor politik mempengaruhi pembentukan bajet negara yang betul. Oleh sebab itu, pembangkang haruslah bertindak aktif untuk semak dan imbang terhadap aktiviti pihak kerajaan termasuklah proses merangka dan melaksanakan bajet negara. Kajian mendapati bahawa pembangkang yang aktif bertindak balas terhadap pihak kerajaan boleh memberi kesan yang baik kepada pembangunan negara dan tadbir urus kewangan negara. Kenyataan ini disokong dengan kajian yang dibuat oleh Blondal (2006), menjelaskan bahawa pihak kerajaan mempunyai kuasa dan berperanan untuk mengawal, mempengaruhi, mengurus kewangan negara. Namun, pembangkang juga boleh memainkan peranan dengan memerhati dan menentukan sama ada pengurusan kewangan negara dibuat dengan telus atau tidak.

Manakala, menurut Tan dan Mohamed (2013), bajet juga sering kali dijadikan sebagai alat untuk pembangkang menyemak dan meneliti kekuatan serta kemajuan pihak kerajaan. Hal ini kerana, setiap kali pembentangan bajet, pihak pembangkang akan mengkritik dan memberi cadangan jika isi kandungan bajet tidak memenuhi kehendak serta keperluan negara dan rakyat. Tidak hanya itu, pembentangan bajet di parlimen boleh dijadikan sebagai ruang kepada pihak kerajaan dan pembangkang bertukar pendapat dan memberi cadangan. Oleh sebab itu, bab ini memfokuskan tingkah laku pembangkang terhadap pembentangan bajet pada tahun 2014 sehingga 2018 di parlimen ke-13.

Berdasarkan kepada hasil kajian, menunjukkan bahawa pembangkang bertindak aktif pada setiap kali bajet dibentangkan. Hal ini dapat dibuktikan ketika sesi RUU Perbekalan bersidang, pembangkang dilihat bertindak aktif untuk mengkritik, menentang dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

memberi cadangan kepada pihak kerajaan. Tidak hanya itu, pembangkang juga memberi belanjawan bayangan kepada pihak kerajaan sebagai cadangan untuk memperbaiki intipati bajet yang telah dibentangkan kerana dianggap tidak memenuhi ciri-ciri bajet yang baik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pembangkang yang aktif boleh memberi impak yang baik kepada sistem politik negara.

Kajian yang dibuat oleh Azlan (2017), membuktikan bahawa pembangkang di Malaysia bertindak aktif di dalam parlimen. Kajian mengenai tingkah laku pembangkang terhadap pembentangan bajet menunjukkan pembangkang bertindak untuk mengkritik tindakan pihak kerajaan. Anwar Ibrahim selaku ketua pembangkang pada ketika itu telah diberikan peluang untuk membahaskan tentang intipati bajet 2009. Beliau mempertikaikan bajet yang tidak memenuhi keperluan semasa rakyat, namun sebaliknya hanya memenuhi kehendak diri sendiri. Tambahan lagi, bajet pada tahun itu tidak memberi perubahan yang ketara pada ekonomi negara. Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa pembangkang dari parti politik yang lain dan mereka juga aktif mengkritik tindakan pihak kerajaan.

Tuntasnya, jelas menunjukkan bahawa pembangkang juga memainkan peranan mereka sebagai aktor dan juga sebagai semak serta imbang di dalam sistem politik negara. Berdasarkan kepada hasil kajian mengenai penglibatan pembangkang di dalam pembentangan bajet tahun 2014 sehingga 2018, menunjukkan bahawa pada tahun 2018, pembangkang dilihat bertindak aktif. Hal ini kerana, jumlah pembangkang semakin meningkat pada setiap tahun dan pada tahun 2018, jumlah pembangkang dicatatkan paling tinggi jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lain. Tambahan lagi, bajet ini juga sebagai strategi oleh pembangkang untuk menunjukkan keterampilan mereka bagi memenangi hati pengundi. Loidolt dan Mecham (2016), berpendapat bahawa amat penting untuk pihak kerajaan memahami penglibatan pembangkang di dalam sistem politik negara. Kehadiran pembangkang juga memberi kesan terhadap pembentukan pentadbiran negara, prestasi kerajaan, proses pembentukan polisi, termasuklah pengurusan kewangan negara. Walaupun pembangkang tidak dapat memainkan peranan mereka sepenuhnya, namun kehadiran mereka mampu mempengaruhi tindakan dan proses membuat keputusan oleh pihak kerajaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi terima kasih kepada Dr Rosyidah Muhamad selaku penulis bersama yang telah berusaha dalam menyiapkan penerbitan jurnal artikel ini. Beliau juga banyak memberi pandangan, berkongsi idea dan membantu dalam menganalisis data kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak melibatkan sebarang penajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana agensi baik kerajaan mahupun swasta. Proses pembayaran dan urusan kewangan ditanggung secara keseluruhan oleh penulis.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dengan mana-mana pihak. Tujuan jurnal artikel ini diterbitkan bagi memenuhi syarat bergraduat pengajian di peringkat sarjana.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abdi et al. (2019). Understanding the care and support needs of older people: a scoping review and categorisation using the WHO international classification of functioning, disability, and health framework (ICF). *National Center of Biotechnology Information, 19*(1), 195. https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/31331279/

Ariff, A. (2018). The opposition Pakatan Rakyat in the twelfth Malaysian parliament, 2008-12, and parliamentary behaviour on the budget process. *Parliaments, Estated and Representation*, 80-97. https://doi.org/10.1080/02606755.2018.1486800

Azlan, Z. (2016, May 25). No misuse in 1MDB administration and accounts, claims Najib *MalaysiaKini.* https://www.malaysiakini.com/news/342826

Azlan, Z. (2017, Februari 22). Kadar inflasi 2017 akan melonjak kepada 3% *MalaysiaKini.* https://www.malaysiakini.com/news/373404

Blondal, R. (2003). Accural Accounting and Budgeting: Key Issue and recent Development. *OECD Journal On Budgeting, 3*(1), 43-59. https://www.oecd.org/gov/budgeting/42187847.pdf

Fabbrini, S. (2003). Bringing Robert A.Dahl's Theory of Democracy to Europe. *Annual Review of Political Science, 6*(1), 119-137. https://www.annualreviews.org/doi/10.1146/annurev.polisci.6.010302.115514

Johari, A. (2022, Jun 20). 1MDB hanya berurusan dengan PM *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/967942/1mdb-hanya-berurusan-dengan-pm

Krouse, W. (2008). Polyarchy & Participation: The Changing Democratic Theory of Robert Dahl. *Palgrave Macmillan Journals,* 441-463. https://www.jstor.org/stable/3234535?origin=JSTOR-pdf

Lidia, G. (2014). Difficulties of the Budgeting Process and Factors Leading to the Decision to Implement this Management Tool. *Procedia Economics and Finace,* 466-473. http://doi.org/10.1016/S2212-5761(14)00484-5

Lim, H. (2017, Oktober 27). Bajet 2018: Apa pula kata pembangkang. *MalaysiaKini.* https://www.malaysiakini.com/news/399814

Loidolt, B., & Mecham, Q. (2016). Parliamentary Opposition Under Hybrid Regimes: Evidence from Egypt. *Legislative Studies Quarterly,* 997-1022. https://www.jstor.org/stable/24894392

Maksum, A. (2020). 1MDB (1 Malaysia Development Berhad), Scandal, and its Impact on Malaysian Domestic Politics. *Politika Jurnal Ilmu Politik*, 198-218. https://www.researchgate.net/publication/346739398_1MDB_1_Malaysia_Development_Berhad_Scandal_and_Its_Impact_on_Malaysian_Domestic_Politics

Robert. A. (1966). Democratic and Opposition. *Jstor, 1*(4), 560-562. https://www.jstor.org/stable/44484211

Rohaniza, I. (2017, April 25). Pembangkang perlu jelas Pendirian Mengenai GST *Berita Harian.* https://www.bharian.com.my/berita/politik/2017/04/275630/pembangkang-perlu-jelas-pendirian-mengenai-gst?m=1

Santiso, C. (2007). Understanding the Politics of the Budget. *A DFID Paper, 1-22*. https://www.researchgate.net/publication/263855373_Understanding_the_Politics_of_the_Budget

Stone, B. (2014). *Opposition in parliamentary democracies: a framework for comparison*. (Doctoral Thesis, Univerisity of Western Australia). https://www.aspg.org.au/wp-content/uploads/2017/09/Opposition-in-parliamentary-democracies.pdf

Tan, Y., & Mohamed, A. (2013). Malaysia: Members of Parliament and the Budget Plan. *JATI,* 18, 43-59. https://jati.um.edu.my/index.php/jati/article/view/5803/3533

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ufen, A. (2009). The transformation of political party opposition in Malaysia and its implication for the electoral authoritarian regime. *Democratization, 16*(3), 604-627. http://doi.org/10.1080/13510340902884804

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).